

Belia Orang Zaman Akhir Malaysia Belajar Mempelepori Sejarah dan Warisan Keluarga Mereka di Usia Muda


(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)

Salah satu ajaran asas pemulihan Injil Yesus Kristus ialah sejarah keluarga, silsilah, dan kerja bait suci bagi mereka yang masih bertapak dunia ini dan bagi mereka yang telah menghembus nafas terakhir. Ajaran ini adalah salah satu daripada misi Gereja Yesus Kristus. Keluarga dan individu Orang Suci Zaman Akhir tanpa kira muda ataupun tua, bersemangat dalam zaman pengumpulan suku-suku Israel masa kini.

Baru-baru ini pada hari Sabtu, 15 April 2023, belia LDS dari cawangan Petaling Jaya membentangkan projek sejarah keluarga mereka di Pusat Gereja Yesus Kristus Daerah Kuala Lumpur. Savannah Meservy, Janarthn Pillai, Brandon Boey dan Josh Meservy adalah antara belia yang membentangkan buku foto mereka dan membincangkan pengalaman yang mereka alami dalam menjayakan kegiatan penyelidikan sejarah keluarga mereka. Usaha projek ini telah dianjurkan oleh Min Lian Chan, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga Daerah (berbahasa Cina).



Dari kiri ke kanan; Savannah Meservy, Josh Meservy, Brandon Boey, dan Janarthn Pillai



Para belia bersemangat untuk berkongsi kenangan dan kisah istimewa tentang keluarga dan saudara-mara mereka. Semasa pembentangan, para hadirin menumpukan perhatian kepada maklumat yang dikongsikan daripada para belia. Setiap daripada mereka melakukan penyelidikan dan penyusunan maklumat sejarah keluarga mereka secara terperinci. Usaha mereka memang mendedahkan kasih sayang yang mereka miliki untuk ahli keluarga dan untuk generasi masa depan mereka.

Josh Meservy berkongsi kisah hidup datuk moyangnya. Fritz Feuz dilahirkan di Switzerland dan dia bekerja keras di ladang keluarga mereka. Dia menghabiskan banyak masa di kawasan pergunungan mengangkut

Poster Jemputan untuk meraikan usaha Belia dalam projek Sejarah Keluarga mereka.

keju, mendaki, dan memimpin kumpulan ski. Apabila Fritz menyertai Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, dia dinafikan oleh keluarganya. Selepas kejadian

ini, Fritz berhijrah ke Kanada dan kemudiannya ke Amerika Syarikat. Dia terlibat dengan aktif dalam kepercayaan barunya sepanjang hidupnya, dan merupakan pengikut Yesus Kristus yang teguh. Josh menyatakan bahawa iman dan kesaksian datuk moyangnya tentang pemulihian Injil Yesus Kristus telah menjadi perangsang membantu Josh menguatkan kesaksiannya menjadi pengikut Yesus Kristus yang setia.

Janarthn Pillai pula bercerita tentang datuk dan neneknya. Almarhum datuknya Krisnan a/l Palaniapan Pillai merupakan seorang yang petualang dan berbakat. Beliau adalah seorang pelajar yang bersemangat tentang kehidupan, alam semula jadi dan kemahiran hidup, dengan bakat unik berbahasa Mandarin. Walaupun Janarthn tidak berpeluang meluangkan masa bersama almarhum datuknya, namun kisah hidup datuknya yang dipelajari daripada ayahnya amat berharga dan disayangi. Neneknya Janegi a/l Karuppiah pula merupakan seorang wanita yang baik hati yang meluangkan masa menikmati kebun dan dusunnya. Janarthn juga mengagumi kisah cinta Krisnan dan Janegi dan bagaimana mereka menunjukkan kasih sayang antara satu sama lain. Dia berharap untuk mencontohi sifat ini dalam hidupnya. Janarthn bersyukur mempunyai datuk dan nenek yang menyayangi anak dan cucu sepenuh hati. Dia berharap suatu hari nanti dia akan dapat mempengaruhi saudara maranya untuk menerima pemulihian Injil Yesus Kristus.



Penonton terdiri daripada ahli keluarga belia, ahli gereja, pemimpin gereja, dan rakan-rakan.



Dari kiri ke kanan: Peter Ee, Ahli Majlis Tinggi yang menyeliakan Kerja Bait Suci dan Sejarah Keluarga; Min Lian Chan, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga Daerah (untuk berbahasa Cina); Susan Ho, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga; dan Ho Siew Yin, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga Daerah.

Untuk menyokong usaha hebat yang dicapai oleh belia-belia ini, beberapa pemimpin peringkat daerah Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir di Semenanjung Malaysia menghadiri aktiviti ini. Pemimpin tersebut adalah Peter Ee, Ahli Majlis Tinggi yang menyeliakan Kerja Bait Suci dan Sejarah Keluarga; Min Lian Chan, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga Daerah (untuk berbahasa Cina); Susan Ho, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga; dan Ho Siew Yin, Perunding Bait Suci dan Sejarah Keluarga Daerah.

Sebelum sesi ini, belia dan pemuda Orang Suci Zaman Akhir di peringkat daerah Kuala Lumpur Malaysia terlibat dalam dua sesi latihan dalam talian untuk sejarah keluarga dan kerja bait suci. Dua sesi latihan dalam talian telah diadakan pada tahun 2022 dari 1 Mei hingga 19 Jun, dan seterusnya dari 16 Oktober hingga 27 November. Semasa sesi latihan pertama, sebanyak 8 sesi telah dijalankan. Pendaftaran peserta mencecah 65 orang. Mereka menyertai dalam talian dari pelbagai negara untuk belajar, berkongsi dan menyokong program ini. Bagi sesi latihan kedua, lebih kurang 40 peserta menyertai latihan selama 6 minggu tersebut. Kebanyakan mereka berasal dari Malaysia dan Singapura.

Melalui pengajaran Yesus Kristus oleh ibu bapa yang berdedikasi, belia akan mengalami suatu pengembaraan dan perjalanan rohaniah yang menarik hati dan minda apabila melakukan kerja sejarah keluarga mereka. Usaha ibu bapa untuk menyemai kecintaan terhadap kerja sejarah keluarga membantu belia membina iman dan perkhidmatan suci pada usia muda. Ini memastikan kanak-kanak akan produktif dalam menjalankan kegiatan pengajaran Injil Yesus Kristus dalam kehidupan mereka. Ini adalah satu cara untuk memupuk kehidupan beriman di kalangan belia dan pemuda supaya membina Zion di mana mereka berkediaman.



Kelvin Kumar dan isterinya Shyreene bersama tiga anak mereka Caiden, Kaira dan Jaiden mempelajari cerita dan sejarah tentang nenek moyang mereka. Keluarga Kumar berasal dari cawangan Gereja di Ipoh (Perak, Malaysia).



Janeelyn, Jonelle dan Jessie bersama ibubapa mereka Vivian dan Ernest Tan dari cawangan Gereja di Puchong (Selangor, Malaysia) berkongsi detik sejarah keluarga di rumah mereka.



Anika dan Isaiah anak-anak Brian dan Sukanya Chan, sedang menulis jurnal peribadi mereka untuk keluarga masa depan mengetahui kisah hidup mereka.

Untuk menyokong perkembangan kerja sejarah keluarga di Malaysia, satu mesyuarat latihan sejarah keluarga telah dikendalikan oleh Elder Kevin Hamilton (Penguasa Umum Tujuh Puluh, Pengarah Eksekutif Jabatan Sejarah Keluarga di Salt Lake City); dan, Steve Rockwood (Pengarah Urusan Jabatan Sejarah Keluarga) pada hari Jumaat, 21 April 2023 di Pusat Daerah Gereja Kuala Lumpur.

Untuk maklumat lanjut tentang kerja sejarah keluarga, layari www.familysearch.org atau www.comeuntochrist.org